

BULETIN BTM INSTUN SEPTEMBER 2021

KURSUS DALAM TALIAN : SMARTPHONE PHOTOGRAPHY (TME03/21)

Tajuk : KURSUS DALAM TALIAN : SMARTPHONE PHOTOGRAPHY
(TME03/21)

Tarikh : 01 Hingga 02 September 2021 (Rabu-Khamis)

Lokasi : Dalam Talian (Online)

Penglibatan : 50 orang peserta

Ringkasan Program :

Kursus Dalam Talian: Smartphone Photography (TME03/21) merupakan salah satu kursus anjuran BTM yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2021 di bawah kategori Multimedia. Kursus ini yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan secara bersemuka di INSTUN, terpaksa ditukar kaedah pelaksanaannya kepada kaedah dalam talian (online) berikutan situasi semasa pandemik Covid-19. Kursus ini dilaksanakan selama dua(2) hari, iaitu dari 01 September hingga 02 September 2021.

Kursus ini telah melibatkan seramai 50 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan Syarikat Swasta. Mereka telah memberikan sepenuh komitmen dan menunjukkan kesungguhan yang tinggi dari awal kursus berlangsung sehingga kursus tamat. Kursus ini dilaksanakan sepenuhnya secara langsung (*live*) menerusi aplikasi Zoom yang melibatkan penyampaian teori secara ceramah dan latih amal (*hands-on lab*) yang turut disertai oleh semua peserta dengan bimbingan Penceramah secara dalam talian.


Objektif kursus ini adalah supaya peserta dapat menggunakan smartphone untuk tujuan mengambil gambar dan video, Menyunting gambar dan video dan Menghasilkan gambar dan video yang berkualiti.

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah jemputan, Encik Ahmad Rithauddin Bin Che Mat dari Whatthefoo Creative Solutions, barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.

Gambar :





Latar Belakang bagi Video Zoom



Barisan Penceramah, Urusetia dan Semua Peserta TME03/21



Penceramah: Encik Ahmad Rithauddin Bin Che Mat dari Whatthefoo Creative Solutions



Sesi Kursus sedang berlangsung.